

Kira-kira 20 peratus daripada perusahaan yang berdaftar adalah milik wanita. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2016, peratusan ini adalah 187,265 daripada jumlah keseluruhan 920,624 perusahaan berdaftar di Malaysia. Angka ini masih berada diparas rendah kerana wanita perlu menghadapi pelbagai faktor yang menjadi cabaran untuk mereka berjaya.

Wanita tidak dapat menonjolkan potensi sebenar dalam bidang keusahawanan dan kerjaya atas faktor tidak mendapat peluang hak sama seperti akses terhad kepada pendidikan, jurang perbezaan jantina, dan pembangunan modal insan di tempat kerja.

Isu-isu ini boleh ditangani dengan menyediakan peluang yang setara untuk berjaya, namun memerlukan usaha bersama daripada kerajaan, sektor swasta, dan individu persendirian untuk mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan inklusif.

Mengakui keperluan komuniti wanita seperti ini, Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) telah mengusahakan inisiatif Kiosk Kasih YKN menerusi program Wanita Dinamik.

Pada tahun lalu, program Wanita Dinamik yang mula dilaksanakan sejak 2021 telah ditambah baik dengan elemen baharu yang menggabungkan inisiatif memperkasakan wanita merangkumi elemen ekonomi, keselamatan dan kesihatan.

Sebagai memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya penyumbang kepada peningkatan komuniti Permodalan Nasional Berhad (PNB) menjalin kerjasama strategik bersama YKN dengan menyalurkan untuk menjayakan program Kiosk Kasih.

Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN berkata, Kiosk Kasih merupakan hasil sumbangan bersama PNB beberapa syarikat korporat lain termasuk Prasarana Malaysia Berhad, Alliance Bank dan Public Islamic Bank yang menyumbang pelbagai bentuk fasiliti lain bagi menjayakan inisiatif ini.



Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN

"Objektif program ini adalah bagi menyokong kumpulan sasar ini dengan menyediakan ruang perniagaan lengkap dan kemudahan asas seperti lokasi, bekalan elektrik dan latihan, agar mereka dapat menjana sumber pendapatan sehingga mampu berdikari."

"Program ini setakat 31 Disember 2024 program ini telah memanfaatkan 18,691 orang peserta yang terdiri daripada golongan B40 sama ada miskin bandar, wanita, ibu tunggal atau golongan rentan," katanya.

Beliau berkata, gabungan keupayaan PNB dalam menjana sumber dana projek sebanyak RM100,000 dan YKN dalam menguruskan program ini bersama kumpulan sasar telah membangunkan lima buah lokasi perniagaan di stesen LRT di sekitar Kuala Lumpur. Lokasi-lokasi stesen LRT tersebut adalah Sri Rampai, Dang Wangi, Ampang Park, Ampang dan Pasar Seni.

Program Kiosk Kasih mula dilaksanakan di stesen-stesen LRT ini sejak November 2023 dan setakat ini melibatkan kira-kira 30 orang peserta yang rata-ratanya wanita daripada latar belakang B40, yang mencari peluang dan platform untuk memasarkan produk jualan mereka. Program ini adalah seiring dengan hala tuju Ekonomi MADANI yang memberi fokus kepada pemerksaan rakyat.

“Kiosk Kasih di semua stesen ini berfungsi sebagai hub perkhidmatan kepada pengguna LRT, di mana pengguna LRT boleh mendapatkan perkhidmatan menjahit dan mengubah suai pakaian, makanan sejuk beku, aksesori ringkas dan makanan sedia dimakan seperti nasi lemak bungkus.”



“Secara purata, peserta program boleh mendapat hasil jualan sehingga mencecah RM4,000 sebulan,” tambah beliau.

Kiosk Kasih YKN PNB, Kedai Jahit Dalam Stesen LRT

Fokus inisiatif Kiosk Kasih adalah untuk memperkasakan wanita dengan membantu mereka menjana pendapatan, meningkatkan status kewangan dan memerdekakan mereka daripada kesukaran hidup sehingga mampu berdikari dalam dunia keusahawanan.



Baru-baru ini, kami telah berpeluang mendekati peserta inisiatif ini yang berkongsi pengalaman mengenai bagaimana ia telah memperbaiki kehidupan mereka. Perkongsian mereka dipenuhi kisah inspirasi tentang ketahanan, pemerksaan serta berkongsi rezeki dengan usahawan wanita lain menerusi platform yang sama.

Latifah Umar, 60, seorang tukang jahit menjelaskan inisiatif ini telah membolehkannya memanfaatkan kemahiran dan minatnya dalam menjahit sambil menjana pendapatan yang cukup untuk membantu keluarga. Beliau menyertai Kiosk Kasih pada November 2023 dan menghargai sokongan PNB dan YKN kerana memberi peluang untuk bekerja walaupun pada usia emas.

“Platform niaga seperti Kiosk Kasih ini membantu menambah pendapatan untuk keluarga walaupun sudah bersara. Ini membantu menampung kos rawatan kanser salah seorang anak saya,” tambahnya lagi ketika ditemui di Stesen LRT Sri Rampai baru-baru ini.



Latifah Umar

Safura Ahmad, 39, yang bertanggungjawab menguruskan kiosk di LRT Sri Rampai berkata, kiosk tersebut berada di lokasi strategik dan amat sesuai untuk ramai usahawan seperti golongan wanita menambah pendapatan mereka dengan menggunakan ruang niaga yang disediakan bagi jualan pelbagai jenis produk.

“Terdapat 15 usahawan wanita yang merupakan ibu tunggal, suri rumah dan usahawan kecil yang bersemangat dan mencari peluang untuk menjual produk buatan sendiri.”

“Walaupun perkhidmatan di kiosk ketika ini tertumpu pada perkhidmatan menjahit dan mengubah suai pakaian, kami juga menjual kraftangan, snek, dan barangan rumah seperti detergen dan makanan sejuk beku untuk membantu wanita-wanita ini yang sukar untuk keluar untuk berniaga kerana kekangan tertentu,” jelas beliau.

Safura berharap inisiatif Kiosk Kasih PNB-YKN dapat diperluaskan lagi kerana permintaan tinggi daripada pengguna LRT yang banyak menempah pakaian di samping membuka peluang kepada usahawan wanita lain untuk menjana pendapatan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan sosioekonomi keluarga.



Safura Ahmad

Sementara itu, Nasriza Khairi, 44, yang mempunyai enam orang anak dan menetap di Banting, Selangor menjelaskan bahawa penglibatannya dalam inisiatif ini bukan hanya untuk menambah pendapatan keluarganya, tetapi turut membantunya berkongsi peluang pekerjaan kepada wanita lain yang berminat dalam bidang jahitan.

“Suami saya seorang pemandu lori yang telah bersara dan kini membuat kerja-kerja pertanian ringkas seperti menanam cili. Jadi saya ambil peluang ini untuk membantu beliau menampung perbelanjaan keluarga di samping dapat merealisasikan impian keusahawanan dalam bidang menjahit pakaian.



Nasriza Khairi

Nasriza akan menempuhi perjalanan sehingga tiga jam dari Banting ke Kuala Lumpur untuk mengambil tempahan pelanggan di stesen LRT ini dan kemudian menyerahkan tempahan tersebut untuk disiapkan kepada beberapa tukang jahit wanita lain di kampung, dengan harapan agar mereka juga dapat meraih pendapatan sampingan,” katanya.

“Saya tidak kisah walaupun terpaksa berulang alik dari Banting ke Stesen LRT Ampang Park setiap hari, inilah sumber saya mencari rezeki. Sejak setahun lalu perniagaan saya telah bertambah baik sehingga mempunyai 10 orang pelanggan tetap,” tambah beliau.



Apabila ditanya apa yang membuatkan beliau terus bekerja keras dan mengambil peluang ini sehingga ingin membantu wanita lain, katanya, “Wanita tidak harus takut untuk mencuba sesuatu yang baharu, gunakan peluang yang hadir sebaiknya dan berfikir di luar kotak bagaimana peluang ini boleh digandakan membawa kepada peningkatan ekonomi diri selain membantu orang lain,” katanya.

Bersempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia 2025, berikan komitmen kepada hak, kesamaan, dan pemerksaan untuk semua wanita dan gadis.

PNB sentiasa bersama wanita yang berani dan inginkan perubahan dalam kehidupan, kerana setiap peluang yang diberikan hari ini mencipta masa depan yang lebih cerah untuk orang lain. Sokongan PNB ke arah keterangkuman dan kesaksamaan bukan sahaja satu aspirasi, tetapi juga satu usaha berterusan untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat merentas generasi.